

Kejohanan Boling UMS meriah,

OLEH JOANES ROBERT JOHNNY
joanes@newsabahtimes.com.my

KOTA KINABALU: Kejohanan Sukan Boling Tertutup Universiti Malaysia Sabah (UMS) sempena kejohanan Liga Sukan Sekolah di CPS Bowl, Centre Point baru-baru ini mendapat sambutan meriah di mana lebih 200 pelajar daripada semua sekolah di institusi itu menyertainya.

Pertandingan yang dibuat dalam kategori lelaki dan wanita itu bermula seawal jam 9 pagi di mana persaingan dilihat sengit dengan setiap kumpulan memperlihatkan kehebatan masing-masing bagi mengumpul jatuhan pin sebanyak yang mungkin.

Secara keseluruhannya, lebih 20 pasukan mengambil bahagian dalam pertandingan itu.

Dalam kategori lelaki, Sekolah Kejuruteraan Teknologi Maklumat (SKTM) mendahului semua pasukan dengan mata sebanyak 2208 dalam empat pusingan.

Manakala tempat kedua pula dimenangi pasukan yang mewakili Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial (SPKS) dengan jumlah mata 2023 sementara tempat ketiga dimenangi Sekolah Pengajian Ekonomi (SPE) dengan jatuhan pin sebanyak 1914.

Sementara itu, bagi kategori wanita pula, Sekolah Pengajian Ekonomi (SPE) mengungguli saingan dengan jumlah pungan mata sebanyak 1710 manakala tempat kedua dimenangi oleh wakil dari Sekolah Pengajian Seni (SPS) dengan jumlah sebanyak 1606 mata dan tempat ketiga menjadi milik Sekolah Psikologi dan Kerja

Sosial (SPKS) dengan mengumpul sebanyak 1577 mata.

Rata-rata peserta menganggap kejohanan seperti itu wajar diteruskan setiap tahun bagi tujuan memberi pendedahan awal kepada semua peserta untuk berkecimpung dalam sukan khususnya sukan yang berbentuk pasukan.

Menurut mereka, sukan berpasukan seperti itu mampu membentuk kemahiran insaniah seperti semangat berpasukan, pengalaman baru, ketrampilan dalam memantapkan pasukan, komunikasi antara ahli dalam pasukan untuk bersama-sama mencapai objektif yang telah ditetapkan.

Selain itu, pertandingan itu juga dapat memupuk hubungan silaturahim di antara semua peserta dan pelajar bagi meningkatkan perpaduan tanpa mengira bangsa, agama dan budaya.


Penyelaras kejohanan, Irwan Jamil berkata, kejohanan boling itu secara keseluruhannya berjaya mencapai objektifnya di mana mencapai 85 peratus jangkaan penyertaan.

"Kejohanan seumpama ini memberi galakan kepada pelajar untuk bersukan di samping mencungkil bakat terpendam para mahasiswa," kata beliau.

Beliau juga mengharapkan kejohanan seperti itu akan menggalakkan lebih banyak penyertaan pada pertandingan akan datang sambil mengulas kejohanan seperti itu juga mampu meningkatkan hubungan di antara pelajar dan staf khususnya di dalam bidang ko-kurikulum.



MERIAH...antara peserta yang turut hadir dalam pertandingan boling tersebut.



TUNJUK BAKAT...salah seorang peserta sedang mempamerkan kemahiran tersendiri.



WAKIL peserta menerima hadiah kemenangan pasukan mereka.